

RMK-9 bukan sekadar tender, projek

BH- 21/7/2008

Semua pihak mesti kerjasama pacu ekonomi capai Misi Nasional



PENGUMUMAN kerajaan Selasa lalu, mengenai senarai tender bagi 880 projek pembangunan baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tidak syak lagi akan memacu kerancakan dan keghairahan baru dalam kegiatan ekonomi negara.

Reaksi pasaran nampaknya positif sementara para kontraktor dan firma binaan yang selama ini rata-rata sugul sudah mulai tersenyum lebar.

Sebenarnya, selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membentangkan RMK-9 di Dewan Rakyat pada 31 Mac lalu, ramai pihak tertunggu-tunggu mengenai perincian rancangan itu untuk membolehkan mereka turut menjayakannya di samping cuba merebut peluang yang ada.

Rakyat jelata juga nampaknya tidak sabar-sabar menikmati faedah daripada projek dan program dirancang kerana minat mereka sudah digerakkan oleh publisiti meluas mengenai keutamaan, falsafah, matlamat dan tujuan rancangan itu.

Jadi tidak hairanlah kenapa minat dan harapan terhadap RMK-9 begitu tinggi berbanding rancangan pembangunan lima tahun sebelum ini.

Minat dan harapan rakyat yang mendalam ini jelas tidak disia-siakan apabila kerajaan secara proaktif dan buat pertama kalinya dalam sejarah mengeluarkan senarai penuh projek awal yang akan dilaksanakan di bawah rancangan berkenaan.

INTI PATI

Projek dalam RMK-9

- Semua 880 projek dianggarkan RM15 bilion adalah sebahagian daripada projek dan program bernilai RM220 bilion dilaksanakan kerajaan atau di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dalam tempoh lima tahun.
- Semua projek diumumkan berkenaan adalah projek yang mampu disertai banyak kumpulan dan pelbagai kontraktor membabitkan semua kelas.
- RMK-9 sebahagian daripada pelan menyeluruh untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi bagi mencapai matlamat Wawasan 2020

Semua 880 projek itu yang dianggarkan menelan biaya RM15 bilion adalah sebahagian daripada projek dan program bernilai RM220 bilion yang akan dilaksanakan kerajaan atau di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dalam tempoh lima tahun akan datang.

Antara projek yang terkandung dalam senarai awal itu ialah pembinaan lebih 504 sekolah rendah, menengah dan agama, jalan Padang Besar ke Kayu Hitam, projek jambatan Semporna dan pulau Bum Bum di Sabah, bekalan air di Terengganu dan Terminal Pengangkutan Bersepadu di Gombak.

Pada sidang media di pejabatnya kelmarin untuk memberi penjelasan lebih lan-

jut mengenai pengumuman awal kerajaan mengenai perkara itu, Perdana Menteri berkata, notis memanggil tender untuk semua projek itu akan dikeluarkan secara berperingkat dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Semua projek diumumkan itu adalah projek yang mampu disertai oleh banyak kumpulan dan pelbagai kontraktor membabitkan semua kelas, termasuk kontraktor kelas F yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini terus menerus merungut kerana terlalu bergantung kepada tender kerajaan untuk meneruskan perniagaan.

Abdullah juga menjelaskan kerajaan tidak boleh mengeluarkan notis tender projek berkenaan secara serentak kerana mahu mengelakkan sebarang masalah, termasuk kekurangan kontraktor berkemampuan.

Apa pun, mulai sekarang sehingga akhir tempoh RMK-9 pada 2010 tentulah ramai kontraktor akan mendapat faedah dengan memenangi tender untuk pelbagai projek, besar dan kecil.

Tetapi satu perkara yang setiap pihak perlu sedar ialah RMK-9 bukan hanya soal tender atau projek. Ia sebahagian daripada pelan menyeluruh untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi bagi mencapai matlamat Wawasan 2020 yang menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuannya sendiri.

Rancangan itu juga sebahagian daripada gerak kerja untuk memenuhi Misi Nasional, satu-satunya rangka kerja dasar dan pelaksanaan yang menggariskan keutamaan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Oleh itu, amat penting untuk semua pihak terutama kontraktor yang bakal dianugerahkan projek, memahami matlamat dan misi tersirat di sebalik RMK-9 itu.

Kontraktor, pegawai kerajaan dan pihak

yang terbabit dalam mengendalikan projek berkenaan wajib memastikan agar setiap ringgit dibelanjakan menepati nilainya di samping memberi manfaat kepada golongan sasar.

Dengan kata lain, setiap projek hendaklah disiapkan mengikut jadual dan kos yang ditetapkan serta menepati sasaran dalam erti kata benar-benar memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Cerita buruk masa silam seperti projek gagal, terbengkalai atau mengalami *cost overrun* yang melampau tidak harus berulang lagi.

Antara kelemahan pada masa lalu yang menyebabkan sesuatu projek itu bermasalah termasuk kelemahan pada peringkat awal perancangan, peringkat pelaksanaan dan pemantauan selain kelemahan dalam penilaian pasca projek.

Semua kelemahan ini sudah dikenal pasti. Bagi pihak kerajaan, Perdana Menteri sendiri sudah mengambil langkah tegas untuk mengelakkan masalah ini daripada berulang.

Malah, beliau sendiri mempengerusikan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) yang bertujuan khusus untuk memantau secara terus projek dan program RMK-9 terutama yang berimpak besar.

Badan ini dibantu oleh sebuah urusetia khusus yang dinamakan Direktorat Pelaksanaan Negara yang bertindak sebagai urusetia, penyelaras dan pelaksana untuk BBPN.

Bagaimanapun, inisiatif daripada kerajaan semata, tidak mungkin dapat menjamin kelancaran semua projek tanpa kerjasama dan persefahaman pegawai, kontraktor, pihak berkuasa tempatan dan rakyat jelata.

Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara. E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com.

